SAMYU KNITTING FACTORY SDN BHD

lwn.

COLOUR-TEX TRADING SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
RAUS SHARIF H
[SAMAN PEMULA NO: D8-24-98-2002]
23 OGOS 2002

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Penggulungan - Permohonan untuk injunksi menghalang petisyen penggulungan - Jumlah wang yang dituntut - Sama ada dipertikaikan - Sama ada bona fide - Sama ada diakui*

PROSEDUR SIVIL: *Saman pemula - Peruntukan undang-undang relevan tidak disebutkan dibahagian tajuknya - Sama ada satu kesilapan teknikal sahaja - Sama ada tiada ketidakadilan - Sama ada bantahan awal berkenaannya tidak patut dibenarkan selaras dengan A. 2 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980*

Ini adalah permohonan injunksi plaintif untuk menghalang defendan daripada memfailkan petisyen penggulungan ke atasnya sehingga penghakiman muktamad diperolehi oleh defendan berdasarkan jumlah wang didakwa hutang oleh plaintif terhadap defendan. Permohonan ini difailkan ekoran dari tindakan defendan menyerahkan notis statutori terhadap plaintif di bawah s. 218 Akta Syarikat 1965 atas tuntutan wang sebanyak RM1,715,648 bagi barangan yang dihantarserah oleh defendan kepada plaintif. Plaintif mempertikaikan jumlah tersebut atas alasan bahawa (i) penyata akaun yang merujuk kepada invois-invois barangan berkenaan tidak dibuktikan dengan jelasnya; dan (ii) defendan gagal membuktikan bahawa invois-invois telah dikeluarkan kepada plaintif atas permintaan plaintif kerana tidak wujud apa-apa pesanan pembelian daripada plaintif untuk barangan tersebut. Defendan pula membantah kepada permohonan plaintif bahawa saman pemula plaintif tidak menyebut peruntukan undang-undang relevan untuk permohonan injunksi dibahagian tajuknya. Seterusnya, defendan mendakwa bahawa jumlah wang yang dihutang oleh plaintif telah diakui oleh plaintif berdasarkan surat oleh peguam plaintif dan permohonan untuk membuat bayaran secara ansuran.

Diputuskan:

[1] Bahawa saman pemula plaintif tidak menyebut peruntukan undang-undang relevan, ia adalah satu bantahan teknikal yang tidak memudaratkan atau memprejudiskan defendan. Dengan itu adalah tidak wajar untuk menolak saman pemula plaintif atas bantahan awal ini selaras dengan peruntukan A. 2 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. (ms 426 d-f)

[2] Di bawah s. 218(2)(a) Akta Syarikat 1965, tindakan penggulungan boleh dibawa atas alasan syarikat tersebut gagal untuk membayar hutangnya dan secara *prima facie* juga pemiutang yang tidak dibayar hutangnya mempunyai hak untuk memfailkan petisyen penggulungan. Walaubagaimanapun, jika hutang tersebut dipertikaikan atas alasan *bona fide* dan tiada kecuaian untuk membayar maka anggapan bahawa sesebuah syarikat itu gagal untuk membayar hutangnya boleh dipatahkan. (ms 427 d-e)

[3] Defendan telah gagal untuk memajukan secara jelas bahawa plaintif sememangnya hutang defendan jumlah wang yang dituntut. Tiadanya bukti bahawa terdapat pesanan pembelian oleh plaintif untuk barangan berkenaan. Lagi, defendan memang mengetahui bahawa jumlah wang yang dituntut dipertikaikan oleh plaintif. (ms 427 f-h)

[4] Bahawa plaintif telah mengakui jumlah wang yang dihutang berdasarkan surat peguam plaintif, ia bukanlah satu pengakuan oleh plaintif terhadap hutang tersebut. Sebaliknya, ianya timbul dari proses rundingan penyelesaian antara plaintif dan defendan. Tambahan pula surat tersebut ditulis dengan niat tanpa prasangka. Oleh yang demikian ia tidak boleh disamakan sebagai satu pengakuan. (ms 428 a)

[5] Jika tindakan penggulungan diteruskan, ia akan memberikan kesan yang berkekalan kepada plaintif dan ini akan menjejaskan reputasi syarikat plaintif sedangkan terdapatnya pertikaian mengenai jumlah wang yang dihutang. Tambahan pula, syarikat plaintif masih beroperasi dan terdapat pesanan-pesanan yang jumlahnya tinggi dari pelbagai syarikat-syarikat lain yang memerlukan perkhidmatan plaintif. Maka adalah lebih baik jika pertikaian mengenai jumlah wang yang dihutang diselesaikan terlebih dahulu dengan membawa pertikaian tersebut melalui prosiding di mahkamah. (ms 428 c-d)

[Permohonan plaintif untuk injunksi dibenarkan dengan kos.]

Case(s) referred to:
Dusun Desaru Sdn Bhd & Anor v. Wang Ah Yu & Ors [1999] 2 CLJ 749 ***(refd)***
In re Ban Hong Co Ltd [1959] MLJ 100 ***(refd)***
Mann v. Goldstein [1986] 1 WLR 1091 ***(refd)***
Rinol Malaysia Sdn Bhd v. MBT (Malaysia) Sdn Bhd [2002] 6 CLJ 63 ***(refd)***
Securicor M v. Universal Cars [1985] 1 MLJ 84 ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:
Companies Act 1965, s. 218(2)(a)
Rules of the High Court 1980, O. 2 r. 3
Specific Relief Act 1950, ss. 50, 51

Bagi pihak plaintif - GY Ang; T/n SB Cheah & Assoc
Bagi pihak defendan - YK Soh; T/n Azam-Malek & Soh

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Raus Sharif H:
Plaintif melalui saman pemula bertarikh 23 April 2002, memohon untuk menghalang defendan samada melalui dirinya atau agen-agennya daripada memfailkan petisyen penggulungan ke atas plaintif sehingga penghakiman muktamad diperolehi oleh defendan terhadap plaintif berdasarkan kepada jumlah yang didakwa dihutang oleh plaintif terhadap defendan. Saman pemula ini difailkan ekoran dari tindakan defendan yang telah menyerahkan notis statutori di bawah s. 218 Akta Syarikat 1965 bertarikh 3 April 2002 atas tuntutan hutang berjumlah RM1,715,648 yang didakwa dihutang oleh defendan terhadap plaintif.

Secara ringkasnya fakta kes adalah seperti berikut:

Plaintif ada sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan menjalankan perniagaan yang mengeluarkan fabrik yang dikait dan baju "T" kapas. Atas permintaan plaintif, defendan telah menghantarserah barangan-barangan untuk tujuan perniagaan tersebut kepada plaintif. Pertikaian bermula apabila defendan mendakwa bahawa plaintif telah berhutang dengan defendan dan dengan itu menuntut sejumlah RM1,819,819.09 daripada plaintif menerusi surat bertarikh 20 Mac 2002. Jumlah tersebut adalah terdiri daripada jumlah prinsipal RM1,715,648 dan faedah-faedah yang dikenakan atas bayaran lewat pada kadar 1% sebulan berjumlah RM104,171.09 yang dikira setakat 28 Februari 2002. Berikutan dengan surat tuntutan tersebut, defendan pada 3 April 2002, telah menyerahkan sesalinan notis statutori selaras dengan peruntukan s. 218 Akta Syarikat 1965 kepada plaintif.

Menurut notis statutori tersebut, defendan menuntut jumlah RM1,715,648 yang didakwa dihutang oleh plaintif kepada defendan dan menyatakan bahawa kegagalan plaintif untuk membuat pembayaran atas jumlah yang dihutang dalam masa 21 hari akan mengakibatkan prosiding penggulungan diambil terhadap plaintif oleh defendan. Plaintif dengan itu membuat permohonan ini. Alasan permohonan plaintif untuk mendapatkan perintah injunksi ini dinyatakan di dalam afidavit sokongan oleh pengarah urusan syarikat plaintif, Encik Looi Yit Kooi di lampiran 2.

Asas Permohonan Plaintif

Secara ringkasnya, asas permohonan plaintif adalah atas dasar bahawa jumlah tuntutan RM1,715,648 oleh defendan adalah dipertikaikan. Pertamanya menurut plaintif, penyata akaun bertarikh 31 Oktober 1999 yang merujuk kepada invois tidak dibuktikan dengan jelasnya. Keduanya, defendan telah gagal untuk membuktikan bahawa invois-invois telah dikeluarkan kepada pihak plaintif atas permintaan plaintif kerana tidak wujud apa-apa pesanan pembelian daripada plaintif untuk barangan-barangan tersebut. Menurut plaintif, pada kebiasaannya dalam urusan perniagaan dengan defendan, plaintif akan mengeluarkan pesanan pembelian kepada defendan terlebih dahulu sebelum barang-barang berkenaan dihantarserah oleh defendan kepada plaintif. Setiap barangan-barangan yang dihantarserah oleh defendan kepada plaintif akan diakui penerimaan oleh wakil sah plaintif dengan menurunkan tandatangan dan cop syarikat atas nota penghantaran defendan tersebut.

Plaintif juga mendakwa bahawa tindakan penggulungan tidak seharusnya diambil kerana plaintif adalah syarikat yang solven dan mempunyai kedudukan kewangannya yang teguh. Untuk tujuan itu, plaintif telah mengemukakan eks. "LYK6" melalui affidavit Looi Yit Kooi di lampiran 2 di mana telah dinyatakan berkenaan akaun untung dan rugi yang dialami oleh plaintif daripada tahun 1996 hingga tahun 2000 dan juga eks. "LYK7" di lampiran yang sama yang menunjukkan bahawa syarikat plaintif menerima jumlah pesanan yang tinggi daripada pelanggan-pelanggan plaintif.

Hujahan Peguam Defendan

Pihak defendan dalam membantah kepada permohonan plaintif telah membangkitkan bantahan awal bahawa saman pemula yang difailkan oleh plaintif adalah cacat kerana di bahagian tajuk saman pemula tersebut tidak menyebut peruntukan undang-undang yang relevan untuk permohonan injunksi, iaitu s. 50 dan s. 51 Akta Relief 1950. Seterusnya defendan mendakwa bahawa jumlah hutang yang dituntut oleh defendan telah diakui oleh plaintif. Ini berdasarkan kepada affidavit balasan 2 oleh defendan di ms 10 eks. "CMS6" iaitu surat oleh peguam plaintif bertarikh 9 April 2002 yang telah mengakui jumlah RM1,715,648 tersebut dan memohon untuk membuat bayaran hutang

tersebut dibuat secara ansuran. Peguam defendan menghujahkan bahawa walaupun surat tersebut ada menyatakan "tanpa prasangka" tetapi hak plaintif terhadap surat "tanpa prasangka" tersebut telah diketepikan apabila plaintif mengeksibitkan surat peguam defendan seperti di eks. LYK4 iaitu afidavit sokongan plaintif untuk injunksi di lampiran 2. Untuk menyokong hujahnya, peguam defendan telah merujuk kepada kes *Dusun Desaru Sdn. Bhd. & Anor. v. Wang Ah Yu & Ors.* [1999] 2 CLJ 749 Hakim Abdul Malik telah memutuskan bahawa:

> The veil of privilege may be waived, but both parties must consent to the waiver. As with forms of other privilege, a waiver may be implied by conduct. There was thus a waiver on the part of the plaintiffs of the privilege shield when they first introduced the "without prejudice" letter ...

Keputusan

Mengenai bantahan awal peguam defendan, bahawa saman pemula plaintif yang tidak menyebut peruntukan undang-undang yang relevan, saya berpendapat bantahan teknikal ini tidak memudaratkan atau memprejudiskan defendan yang boleh membawa kepada ketidakadilan kepada defendan. Pendapat saya ini selaras dengan peruntukan A. 2 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 di mana diperuntukkan bahawa:

> A court or judge shall not allow any preliminary objection by any party to any cause or matter or proceedings only on the ground of non-compliance of any of these Rules unless the court or judge is of the opinion that such non-compliance has occasioned a substantial miscarriage of justice.

Oleh itu, saya berpendapat adalah tidak wajar untuk saya menolak saman pemula plaintif atas bantahan awal seperti yang dihujahkan oleh peguam defendan. Pada saya, isu utama yang perlu diputuskan di hadapan saya di sini adalah samada terdapatnya pertikaian *bona fide* ke atas hutang plaintif sebanyak RM1,715,648 terhadap defendan. Adakah jumlah yang dituntut oleh defendan terhadap plaintif merupakan tuntutan yang tepat dan benar untuk membolehkan perintah penggulungan diberikan?

Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa apabila terdapat pertikaian *bona fide* berkenaan dengan jumlah wang yang dihutang, mahkamah tidak akan membenarkan permohonan untuk petisyen penggulungan. (*Securicor M v. Universal Cars* [1985] 1 MLJ 84). Prinsip yang sama juga didapati di dalam kes *Mann v. Goldstein* [1986] 1 WLR 1091 di mana dinyatakan "it is an abuse of the process of the court to petition to wind up a company upon the basis of a debt which is so *bona fide* disputed". Di dalam kes *In re Ban Hong Co. Ltd.* [1959] MLJ 100 Hakim Rigby telah menyatakan bahawa:

> It is well-settled law that a winding up petition is not to be used as machinery to try a common law action and that the presentation of a petition for a winding-up simply with a view to enforcing payment of a disputed debt is an abuse of the process of the court and should be dismissed with cost.

Hakim Zulkefli Ahmad Makinuddin di dalam kes *Rinol Malaysia Sdn. Bhd. v. MBT (Malaysia) Sdn. Bhd.* [2002] 6 CLJ 63 telah menyatakan:

> I am of the view that the petition for winding-up cannot be restored to settle disputed debts. The proper course for the defendant is to file civil suit for determining the disputed claims. If the defendant intends to commence winding-up proceedings against the plaintiff, the burden of proof is on the defendant to first establish that there is a debt due and owing by it by the plaintiff which the defendant has failed to do in this case. It is not for the plaintiff to prove that there is no outstanding sum due and owing by it to the defendant. It is my finding that the plaintiff has a *bona fide* dispute to the amount claimed by the defendant.

Adalah tidak dinafikan bahawa di bawah s. 218(2)(a) Akta Syarikat 1965, tindakan penggulungan boleh dibawa atas alasan syarikat tersebut gagal untuk membayar hutangnya dan secara *prima facie*nya juga pemiutang yang tidak dibayar hutangnya mempunyai hak untuk memfailkan petisyen penggulungan. Walaubagaimanapun, jika hutang tersebut dipertikaikan atas alasan yang *bona fide* dan tiada kecuaian untuk membayar maka anggapan bahawa sesebuah syarikat itu gagal untuk membayar hutangnya boleh dipatahkan. Apabila terdapat pertikaian yang *bona fide* maka cara yang sesuai adalah dengan membawa tindakan ke mahkamah untuk menunjukkan jumlah yang dihutang dan mahkamah membuat keputusan mengenainya secara sahih sebelum membawa presiding petisyen penggulungan.

Di dalam kes di hadapan saya di sini, saya mendapati bahawa defendan telah gagal untuk memajukan secara jelas bahawa plaintif sememangnya berhutang dengan defendan untuk jumlah yang dituntut. Saya bersetuju dengan hujahan peguam plaintif bahawa pihak defendan telah gagal untuk membuktikan terdapatnya pesanan pembelian untuk barangan-barangan yang dituntut oleh defendan. Saya juga mendapati bahawa defendan memang mengetahui bahawa jumlah wang yang dituntut oleh plaintif adalah dipertikaikan apabila pengarah syarikat plaintif, Encik Looi Yit Kooi memaklumkan secara lisan mengenai pertikaian plaintif terhadap jumlah yang terhutang tersebut kepada defendan iaitu tiadanya pesanan pembelian dan pengakuan penerimaan yang sah untuk harga barangan-barangan yang dituntut oleh defendan. Walaubagaimanapun, pihak defendan tidak mengambil apa-apa langkah bagi membuktikan hutang tersebut kepada plaintif.

Mengenai isu hujahan defendan yang menyatakan plaintif mengakui jumlah hutang tersebut berdasarkan kepada surat bertarikh 9 April 2002, saya berpendapat ia bukanlah satu pengakuan oleh plaintif terhadap hutang tersebut, sebaliknya ianya timbul dari proses rundingan penyelesaian antara plaintif dan defendan. Tambahan pula surat tersebut ditulis dengan niat tanpa prasangka, oleh yang demikian ia tidak boleh disamakan sebagai satu pengakuan.

Kesimpulannya, memandangkan terdapatnya pertikaian jumlah yang dituntut, maka permohonan plaintif untuk menghalang defendan daripada meneruskan tindakan penggulungan adalah berasas. Pada saya jika tindakan penggulungan diteruskan, ia akan memberikan kesan yang berkekalan kepada plaintif dan ini akan menjejaskan reputasi syarikat plaintif sedangkan terdapatnya pertikaian mengenai jumlah yang dihutang. Tambahan pula, syarikat plaintif masih beroperasi dan terdapat pesanan-pesanan yang jumlahnya tinggi dari pelbagai syarikat-syarikat lain yang memerlukan perkhidmatan plaintif untuk mengeluarkan baju "T" untuk syarikat mereka. Maka adalah lebih baik jika pertikaian mengenai jumlah yang dihutang tersebut diselesaikan terlebih dahulu dengan membawa pertikaian tersebut melalui prosiding di mahkamah.

Atas alasan-alasan di atas, permohonan plaintif untuk injunksi seperti dalam saman pemula plaintif adalah dibenarkan dengan kos.